NOTA TEKNIKAL

TECHNICAL NOTES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

NOTA TEKNIKAL

1. SKOP DAN LIPUTAN

Penerbitan ini menggunakan data daripada Banci Ekonomi 2023 (tahun rujukan 2022). Banci mengumpul maklumat daripada pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC)*, *Rev. 4, United Nations*. Liputan bagi keseluruhan sektor merangkumi 1,174 kategori industri seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 1**.

Jadual 1 : Bilangan industri mengikut sektor

Sektor	Bilangan Industri
Pertanian*	142
Perlombongan & pengkuarian	56
Pembuatan	259
Pembinaan	72
Perkhidmatan	645
Jumlah	**1,174**

Nota*: Usahawan dalam sektor Pertanian yang hanya berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi maksud menerima bantuan **TIDAK** diliputi kecuali pengusaha kelapa sawit.

2. SUMBER RANGKA STATISTIK

Sumber utama rangka statistik pertubuhan adalah daripada *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). MSBR adalah senarai pertubuhan/ perusahaan yang beroperasi di Malaysia yang merangkumi Daftar Syarikat (ROC), Daftar Perniagaan (ROB) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta pertubuhan yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan profesional. Senarai di MSBR dikemaskini secara berkala berdasarkan survei dan bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan sumber data pentadbiran daripada pelbagai agensi. Sumber utama data pentadbiran adalah daripada SSM.

Selain itu, DOSM juga bekerjasama untuk mendapatkan maklumat terkini daripada agensi lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), PBT dan badan profesional. Rangka dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baru dan sebarang perubahan yang berlaku kepada pertubuhan tersebut seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti dan lokasi/ alamat pos untuk memastikan maklumat yang terdapat dalam rangka adalah yang paling terkini.

3. JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau memberi sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder didefinisikan sebagai aktiviti sampingan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri bagi pertubuhan adalah berasaskan kepada aktiviti utama dan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang diselaraskan dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4, United Nations* dan pengubahsuaian mengikut keperluan tempatan.

4. KONSEP DAN DEFINISI

Industri tersebut dikategorikan kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Definisi sektor adalah seperti berikut:

4.1 Pertanian

Pertanian merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Terdapat empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan.

4.1.1 **Tanaman** merujuk kepada penanaman dan pengeluaran produk tanaman termasuk pertanian organik. Tanaman juga meliputi penanaman tanaman tidak kekal dan kekal merangkumi penanaman tumbuh-tumbuhan untuk tujuan pengeluaran benih;

4.1.2 **Ternakan** ialah binatang-binatang unggas yang dipelihara untuk tujuan komersil, sara diri dan pembiakbakaan dan rekreasi. Pengeluaran ternakan termasuk penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan kecuali haiwan akuatik;

4.1.3 **Perhutanan & pembalakan** termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengestrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses turut disertakan. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. Ia juga termasuk sebahagian daripada aktiviti operasi perhutanan berdasarkan bayaran atau secara kontrak; dan

4.1.4 **Perikanan** termasuk perikanan tangkapan dan akuakultur meliputi penggunaan sumber perikanan daripada laut, air payau atau air tawar dengan tujuan menangkap dan mengumpul ikan, krustasia, moluska dan organisma & produk laut lain. Akuakultur ialah proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi.

4.2 Perlombongan & pengkuarian

Perlombongan dan pengkuarian termasuk pengekstrakan mineral yang terjadi secara semulajadi seperti pepejal (batu arang dan bijih), cecair (petroleum) atau gas (gas asli). Pengekstrakan boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah seperti perlombongan bawah tanah atau dedah, pengoperasian telaga, perlombongan dasar laut dan lain-lain. Walau bagaimanapun, subsektor perlombongan mineral & pengkuarian tidak diliputi dalam penerbitan ini.

4.3 Pembuatan

Perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera pacuan kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dilaksanakan di kilang atau di rumah pekerja dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit.

Pengelasan lapan (8) subsektor mengikut bahagian adalah seperti berikut:

Bahagian	Keterangan
Produk Makanan	
10	Pembuatan produk makanan
Minuman dan produk tembakau	
11	Pembuatan minuman
12	Pembuatan produk tembakau
Produk tekstil, pakaian dan kulit	
13	Pembuatan tekstil
14	Pembuatan pakaian
15	Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan	
16	Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman perabot;
17	Pembuatan kertas dan produk kertas
18	Percetakan dan penerbitan semula media rakaman
31	Pembuatan perabot
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	
19	Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis
20	Pembuatan kimia dan produk kimia
21	Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani
22	Pembuatan produk getah dan plastik
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	
23	Pembuatan produk galian bukan logam lain
24	Pembuatan logam asas
25	Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan
Produk elektrik, elektronik dan optikal	
26	Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal
27	Pembuatan kelengkapan elektrik
28	Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.

Bahagian	Keterangan
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan	
29	Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler
30	Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain
32	Pembuatan lain
33	Pembaikan dan pemasangan mesin dan kelengkapan

4.4 Pembinaan

Ditakrifkan sebagai pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya.

4.5 Perkhidmatan

Perkhidmatan berkaitan Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara; Bekalan air; Pembetungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan; Perdagangan Borong & runcit; Pengangkutan & penyimpanan; Maklumat & komunikasi; Penginapan; Makanan & minuman; Kewangan; Hartanah; Profesional, saintifik & teknikal; Pentadbiran & khidmat sokongan; Pendidikan swasta; Kesihatan swasta & kerja sosial; Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti.

4.5.1 **Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara** adalah ditakrifkan sebagai aktiviti pembekalan tenaga elektrik, gas asli, wap, air panas dan seumpamanya melalui satu infrastruktur (rangkaian) tetap bagi talian, saluran utama dan paip. Dimensi rangkaian ini tidak dapat ditentukan; juga termasuk pengagihan elektrik, gas, wap, air panas dan seumpamanya di kawasan perindustrian atau bangunan tempat kediaman. Oleh itu, seksyen ini termasuk operasi utiliti elektrik dan gas yang menjana, mengawal dan mengagih tenaga elektrik atau gas. Juga termasuk bekalan wap dan pendinginan udara;

4.5.2 **Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan** meliputi aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sisa termasuk pungutan, perawatan dan pelupusan seperti sisa terjadual, sisa pepejal dan air sisa daripada perindustrian dan isi rumah, termasuk juga pemulihan bahan dan tapak yang tercemar. Hasil sisa daripada proses perawatan boleh dilupus atau menjadi input kepada proses pengeluaran yang lain. Aktiviti yang berkaitan dengan perawatan dan bekalan air juga dimasukkan dalam sektor ini;

4.5.3 **Perdagangan borong & runcit** merangkumi perdagangan, borong perdagangan runcit, dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal;

4.5.4 **Pengangkutan & penyimpanan** meliputi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan darat, pengangkutan muatan melalui jalan raya, pengangkutan darat lain, pengangkutan air, penggudangan & aktiviti sokongan seperti pengoperasian terminal, tempat letak kereta, pengoperasian lebuh raya, pengoperasian pelabuhan, pengendalian kargo/ pemunggahan, agensi perkapalan & penghantaran serta lain-lain aktiviti sokongan perkhidmatan pengangkutan;

4.5.5 **Maklumat & komunikasi** terdiri daripada aktiviti penerbitan, penerbitan wayang gambar, video & program televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik, pemprograman & penyiaran, perkhidmatan telekomunikasi pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan dan perkhidmatan maklumat;

4.5.6 **Perkhidmatan penginapan** merujuk kepada penyediaan tempat penginapan jangka pendek berbayar, sama ada dibuka kepada orang awam atau terhad kepada ahli sebuah pertubuhan tertentu. Ini tidak termasuk penyewaan tempat tinggal berperabot jangka panjang yang dikelaskan dalam hartanah;

4.5.7 **Perkhidmatan makanan & minuman** termasuk perkhidmatan makanan & minuman yang menyediakan hidangan atau minuman lengkap untuk penggunaan segera, sama ada di restoran tradisional, restoran layan diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal atau sementara dengan atau tiada kemudahan tempat duduk;

4.5.8 **Perkhidmatan kewangan** adalah meliputi aktiviti perantaraan kewangan; aktiviti perkhidmatan kewangan lain dan aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan; aktiviti insurans/ takaful, insurans takaful semula dan tabungan pencen & hemat; dan aktiviti sokongan kepada insurans/ takaful dan tabungan pencen;

4.5.9 **Perkhidmatan hartanah** termasuk tindakan seperti pemberi pajak, ejen dan atau broker di dalam satu atau lebih daripada yang berikut: penjualan atau pembelian hartanah, penyewaan hartanah, penyediaan perkhidmatan hartanah lain seperti penilaian hartanah, pengurusan hartanah atau bertindak sebagai ejen hartanah eskrow. Aktiviti dalam bahagian ini mungkin dijalankan di atas hartanah milikan sendiri atau pajakan dan mungkin berlaku atas dasar bayaran atau kontrak. Termasuk juga pembangunan struktur, berserta mengekalkan hak milik atau pajakan bagi struktur tersebut;

4.5.10 **Perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal** termasuk aktiviti profesional khusus, saintifik & teknikal yang memerlukan tahap latihan yang tinggi dan menjadikan pengetahuan dan kemahiran khusus tersedia kepada pengguna. Aktiviti yang dijalankan termasuk guaman & perakaunan, aktiviti ibu pejabat, aktiviti perundingan pengurusan, aktiviti arkitek & kejuruteraan, ujian & analisis teknikal, penyelidikan & pembangunan saintifik, pengiklanan & penyelidikan & pembangunan saintifik, pengiklanan & penyelidikan, penyelidikan pasaran, professional lain, aktiviti saintifik & teknikal dan veterinar;

4.5.11 **Perkhidmatan pentadbiran & khidmat sokongan** termasuk pelbagai aktiviti yang menyokong operasi am perniagaan meliputi aktiviti sewaan & pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan & aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan & penyiasatan, aktiviti perkhidmatan bangunan & lanskap dan aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat & perniagaan lain;

4.5.12 **Perkhidmatan pendidikan swasta** merujuk kepada pertubuhan yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang menyediakan perkhidmatan pelajaran akademik, vokasional dan perdagangan. Aktiviti yang diliputi dalam kumpulan ini ialah pendidikan pra sekolah & pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi, pendidikan lain dan perkhidmatan sokongan lain;

4.5.13 **Perkhidmatan kesihatan swasta & kerja sosial** meliputi aktiviti hospital, aktiviti amalan perubatan & pergigian, aktiviti kesihatan dan kemanusiaan lain, aktiviti rumah penjagaan, dan aktiviti kerja sosial tanpa penginapan;

4.5.14 **Perkhidmatan kesenian, hiburan & rekreasi** termasuk pelbagai aktiviti bagi memenuhi minat orang awam dalam aktiviti kebudayaan, hiburan dan rekreasi meliputi persembahan secara langsung, operasi muzium, perjudian, sukan dan aktiviti rekreasi; dan

4.5.15 **Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti** termasuk aktiviti keahlian organisasi, aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan & profesional, aktiviti kesatuan buruh, aktiviti keahlian organisasi lain pembaikan komputer & barangan persendirian dan isi rumah dan aktiviti perkhidmatan seperti basuhan dan cucian kering tekstil dan produk berbulu; dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain; dan pengebumian dan aktiviti perkhidmatan lain.

5. TAHUN BANCI

Merujuk kepada tahun pelaksanaan bancian dijalankan.

6. TAHUN RUJUKAN

Tahun rujukan bagi banci ini adalah tahun takwim 2022. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam tahun rujukan.

7. KAEDAH PENGUMPULAN

Bancian ini secara umumnya dijalankan dengan menggunakan tiga (3) kaedah pengumpulan data seperti berikut:

7.1 Kaedah atas talian melalui portal e-BE

Kaedah ini menyasarkan responden yang telah menggunakan kaedah ini bagi survei rutin terdahulu.

7.2 Kaedah kutipan data melalui e-mel, pos, faks dan telefon

Kaedah ini menyasarkan responden yang pernah terlibat dengan survei rutin terdahulu. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkapkan dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada DOSM.

7.3 Kaedah kutipan data secara bersemuka

Kerja luar operasi di lapangan dijalankan untuk mendapatkan maklum balas daripada pertubuhan yang belum memberi jawapan dari kedua-dua kaedah di atas dan kaedah ini menyasarkan pertubuhan yang tidak pernah terlibat dengan survei rutin DOSM.

8. UNIT PELAPOR

Unit pelapor bagi Banci Ekonomi 2023 adalah pertubuhan. Sesebuah pertubuhan secara ideal ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis subsektor ekonomi utama di satu tempat/ lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan, entiti atau “enterprise‟ ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

9. TARAF SAH

Taraf sah sesebuah pertubuhan telah ditakrifkan seperti berikut:

9.1 Hak milik perseorangan

Merujuk kepada perniagaan yang dimiliki dan dijalankan oleh orang perseorangan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan sendiri. Pemilik mempunyai hak mutlak atas segala urusan pertubuhannya.

9.2 Perkongsian

Merujuk kepada sekumpulan individu yang telah bersetuju mengikat kontrak dan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk memperoleh keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh kesemua mereka atau salah seorang daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Perkongsian perniagaan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang.

9.3 Perkongsian liabiliti terhad

Merujuk kepada perniagaan entiti yang dikawal selia di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Ia memberi perlindungan liabiliti terhad kepada rakan-rakan kongsinya sama seperti liabiliti terhad yang dinikmati oleh pemegang saham sesebuah syarikat. Ia juga memberi fleksibiliti peraturan perniagaan dalaman melalui pengaturan perkongsian yang serupa dengan sesebuah perkongsian konvensional.

9.4 Syarikat sendirian berhad

Merupakan syarikat persendirian yang ditubuhkan bagi tujuan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup oleh pemegang-pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat.
Ciri-ciri:

i. Dikawal di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan entiti yang sah terpisah daripada pemilik;
ii. Dimiliki oleh 2 - 50 orang pemegang saham;
iii. Pemilik syarikat mempunyai liabiliti terhad;
iv. Pemegang saham yang memiliki 51 peratus atau lebih daripada jumlah saham syarikat berhak untuk mengawal syarikat tersebut. Saham syarikat boleh dijual beli tetapi tidak dilakukan di pasaran terbuka;
v. Penjualan saham mesti dengan persetujuan pemegang saham yang lain;
vi. Tidak disenaraikan di Bursa; dan
vii. Jangka hayat perniagaan adalah panjang dan boleh dikenali perkataan Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) pada akhir nama syarikat.

9.5 Syarikat awam berhad

Syarikat awam berhad merupakan perniagaan yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad, oleh sekurang-kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas,

Ciri-ciri:

i. Dikawal di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan entiti yang sah terpisah daripada pemilik;
ii. Dimiliki oleh pemegang pemegang saham dan tiada had bagi pemilik saham berkenaan;
iii. Pengurusan dan kawalan syarikat adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengarah yang dilantik oleh pemegang saham; dan
iv. Disenaraikan di Bursa Malaysia.

9.6 Syarikat koperasi

Koperasi adalah organisasi yang ditubuhkan untuk faedah bersama ahli dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahli-ahlinya.

9.7 Perbadanan awam

Merupakan sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Khas Parlimen atau Dewan Perundangan Negeri.

9.8 Pertubuhan persendirian tidak mencari keuntungan

Merujuk kepada syarikat tanpa saham yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad. Kebanyakan syarikat ini terdiri daripada pertubuhan kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, rekreasi dan pertubuhan yang memberikan perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan kepada isi rumah. Perkhidmatan diberikan secara percuma atau pada harga yang tidak melebihi kos perkhidmatan (subsidi). Sebarang keuntungan yang diperoleh dilabur semula ke dalam pertubuhan berkenanan.

10. STRUKTUR HAK MILIK

Hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/ pemilik-pemilik modal berbayar yang terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka. Dalam kes di mana setiap pihak (Residen Malaysia dan Bukan Residen Malaysia) memegang bilangan saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan, maka pertubuhan tersebut telah dikelaskan di bawah "Hak Milik Bersama".

Residen Malaysia ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan/ diperbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai Residen Malaysia.

Bukan Residen Malaysia ialah individu, syarikat atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik Residen Malaysia di luar negara juga dianggap sebagai Bukan Residen Malaysia.

11. NILAI OUTPUT KASAR

11.1 Nilai output kasar **Pertanian** (tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan) dikirakan daripada item-item berikut:

Jualan daripada hasil pertanian

+	Stok hasil pertanian (akhir)
+	Barangan dalam proses dan stok barangan siap (pembuatan sendiri) (akhir)
+	Jualan daripada hasil pertanian
+	Pendapatan daripada kerja pertanian yang dibuat untuk pihak lain
+	Pendapatan daripada hasil pertanian yang diproses
+	Nilai jualan daripada barangan/ bahan/ produk berkaitan pertanian yang dibeli untuk dijual semula tanpa proses selanjutnya
+	Pendapatan lain yang berkaitan dengan pertanian
+	Pendapatan daripada aktiviti pertanian lain
+	Kawasan perhutanan dikontrakkan kepada kontraktor (Perhutanan & Pembalakan sahaja)
+	Royalti, hakcipta, pelesenan dan yuran francais
+	Pendapatan daripada agro pelancongan (Tanaman/ Ternakan/ Perikanan)
+	Nilai jualan barangan/ bahan bukan pertanian yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya
+	Semua pendapatan lain: Output
+	Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (Dalaman)
–	Pendapatan daripada sewa: Tanah
–	Stok hasil pertanian (awal)
–	Barangan dalam proses dan stok barangan siap (pembuatan sendiri) (awal)
–	Kos barangan/ bahan/ produk berkaitan dengan aktiviti pertanian yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya
–	Kos barangan/ bahan yang dijual (barangan/ bahan bukan pertanian) yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya

11.2 Nilai output kasar **Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan dan Pembinaan** ditakrifkan dengan memasukkan elemen berikut:

Nilai jualan mineral/ produk kuari/ produk pembuatan dan nilai kerja pembinaan

+ Nilai barangan yang dijual dalam keadaan yang sama seperti dibeli
– Kos barangan yang dijual dalam keadaan yang sama seperti yang dibeli
+ Perbelanjaan modal ke atas binaan sendiri
+ Pendapatan daripada perkhidmatan perindustrian yang diberikan kepada orang lain
+ Pendapatan daripada kerja perindustrian lain
+ Penerimaan bayaran daripada skrap, tenaga elektrik, produk sisa, dll. yang dijual kepada orang lain
+ Komisen dan pembrokeran yang diterima
+ Semua nilai output lain (seperti penerimaan perkhidmatan bukan perindustrian, misalnya bayaran pengurusan, sewa harta, dll.)
+ Stok akhir barangan siap
– Stok awal barangan siap
+ Stok akhir barangan sedang diproses
– Stok awal barangan sedang diproses
+ Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (Dalaman)

11.3 Nilai output kasar **Perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan perkara berikut:

+ Nilai jualan barangan yang dibeli untuk dijual semula
+ Perkhidmatan pengurusan
+ Komisen dan pembrokeran yang diterima
+ Yuran yang diterima daripada keahlian
+ Pendapatan daripada sewa yang diterima kecuali tanah
+ Pendapatan operasi lain
+ Cukai perkhidmatan dan caj perkhidmatan
– Nilai barang yang dibeli untuk dijual semula dalam keadaan sama seperti dibeli
+ Stok akhir
– Stok awal
+ Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (Dalaman)

12. NILAI INPUT PERANTARAAN

12.1 Nilai input perantaraan **Pertanian** (tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan) ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

Kos bahan langsung yang digunakan dalam aktiviti pertanian

+ Jumlah bayaran ke atas kerja-kerja pertanian yang dibuat oleh pihak lain
+ Kos biji/ benih tanaman jangka pendek/ anak ternakan bukan baka
+ Perbelanjaan untuk aktiviti pertanian lain
+ Bahan dan bekas pembungkus yang digunakan
+ Bahan yang digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan
+ Alat tulis dan bekalan pejabat yang digunakan
+ Air yang dibeli
+ Tenaga elektrik yang dibeli
+ Bahan pembakar, pelincir dan gas yang digunakan
+ Bayaran pembaikan dan penyelenggaraan semasa yang dibuat oleh pihak lain bagi harta tetap pertubuhan ini
+ Pengangkutan barangan (pengangkutan keluar)
+ Perbelanjaan perjalanan
+ Bayaran perakaunan, kesetiausahaan dan audit
+ Perbelanjaan pengiklanan dan promosi
+ Bayaran guaman
+ Bayaran perkhidmatan profesional lain
+ Bayaran pengurusan
+ Komisen dan bayaran agensi
+ Bayaran telekomunikasi
+ Bayaran pos (termasuk perkhidmatan kurier)
+ Caj bank
+ Premium insurans dibayar ke atas bangunan, jentera, alat pengangkutan dan barangan
+ Bayaran bagi perkhidmatan keselamatan
+ Bayaran pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan teknologi maklumat
+ Bayaran sewa (tidak temasuk bagi sewa untuk penggunaan tanah)
+ Perbelanjaan ke atas agro pelancongan
+ Bayaran royalti: Organisasi bukan kerajaan/ tajaan korporat
+ Cukai Barang dan Perkhidmatan pada pembelian bersih yang tidak boleh dituntut sebagai cukai input
+ Bayaran kepada pengarah tidak bekerja kerana kehadiran mereka dalam mesyuarat Lembaga Pengarah
+ Perbelanjaan lain: Input
+ Nilai pakaian percuma yang disediakan
+ Kos latihan kepada pekerja

12.2 Nilai input perantaraan **Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan dan Pembinaan** ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

Nilai bahan dan bekalan yang digunakan

+ Kos kerja perindustrian (memproses) yang dilakukan oleh orang lain
+ Tenaga elektrik dan air yang dibeli
+ Nilai bahan pembakar, pelincir dan gas yang digunakan
+ Kos bahan yang digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan harta tetap (termasuk pembayaran kepada pihak lain ke atas kerja ini)
+ Pembayaran terhadap perkhidmatan bukan perindustrian (termasuk bayaran bagi pengangkutan keluar barangan, perjalanan, pengurusan, bayaran perundangan, teknologi maklumat, pengiklanan, bank, pos, telekomunikasi, dll.)
+ Semua kos input lain (termasuk kos latihan dan nilai pakaian percuma yang disediakan kepada pekerja)

12.3 Nilai input perantaraan **Perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

Pembelian barangan, bahan dan perkhidmatan

+ Premium insurans
+ Royalti dan bayaran paten
+ Caj bank
+ Tenaga elektrik dan air yang dibeli
+ Nilai bahan pembakar, pelincir dan gas yang digunakan
+ Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
+ Perbelanjaan pematuhan alam sekitar
+ Perbelanjaan operasi lain

13. NILAI DITAMBAH

Nilai ditambah adalah perbezaan di antara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan. Ini hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

14. BILANGAN PEKERJA

Statistik tenaga buruh menggunakan pelbagai istilah untuk menerangkan pasaran buruh, bergantung kepada definisi, skop dan liputan statistik yang diterbitkan.

Istilah bilangan **penduduk bekerja** dalam statistik yang diterbitkan oleh DOSM melalui Survei Tenaga Buruh (STB) merujuk kepada bilangan penduduk yang berumur antara 15 hingga 64 tahun yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).

Manakala statistik bilangan **Jawatan Diisi** dalam Statistik Guna Tenaga pula merujuk kepada bilangan pekerja yang bekerja pada akhir setiap bulan, termasuk pekerja sepenuh masa dan pekerja separuh masa; pekerja tetap, sementara atau bermusim; pekerja bergaji bulanan dan pekerja yang dibayar gaji berdasarkan jam bekerja; pekerja yang sedang bercuti jangka pendek seperti cuti sakit atau cuti rehat; dan pekerja yang baru diambil bagi mengisi kekosongan pada suku tahun berkenaan. Statistik ini tidak meliputi pemilik perseorangan dan rakan niaga; pekerja keluarga tanpa gaji; pekerja yang terlibat dalam mogok sepanjang bulan berkenaan; pekerja yang bercuti tanpa gaji sepanjang bulan berkenaan; dan pekerja yang dibekalkan oleh agensi lain seperti subkontraktor dan perunding.

Sementara itu, bilangan **pekerja formal** dalam Statistik Upah Pekerja pula merujuk kepada bilangan individu yang bekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau latihan perintisan bermajikan dan menerima ganjaran untuk kerja yang diselesaikan. Walau bagaimanapun, pekerja formal tidak merangkumi individu di bawah pekerjaan bukan standard, termasuk individu bekerja sendiri, pekerja gig, pekerja akaun sendiri, pekerja keluarga tanpa gaji, dan sebagainya.

Bagi penerbitan Banci Ekonomi 2023, bilangan pekerja merujuk kepada bilangan orang yang bekerja untuk pertubuhan yang dibanci pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir tahun rujukan.

15. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

Pertubuhan milikan wanita merujuk kepada pertubuhan sekurang-kurangnya 51 peratus pemilikan ekuiti dipegang oleh wanita atau pemegang saham terbesar adalah wanita dan pertubuhan diuruskan oleh wanita atau Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Urusan adalah wanita yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

16. GAJI & UPAH

Semua pembayaran (gaji, upah, bonus, komisyen, bayaran lebih masa dan elaun tunai termasuk belanja sara hidup, perumahan, kereta, makanan dan sebagainya) yang dibuat sepanjang tahun rujukan meliputi semua pekerja bergaji dalam setiap kategori pekerja yang diambil secara langsung termasuk jumlah bayaran yang dibuat adalah sebelum ditolak cukai pendapatan dan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)/ Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)/ Kumpulan wang simpanan lain/ Kumpulan Wang Persaraan (KWAP). Caruman majikan kepada kumpulan wang yang di atas hendaklah dikecualikan.

17. NILAI HARTA TETAP

Harta tetap meliputi semua barangan, baharu atau terpakai, ketara atau tidak ketara yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun. Ini termasuk tanah, bangunan dan struktur, alat pengangkutan, komputer dan peralatan periferal, perisian komputer, peralatan mesin dan lain-lain, serta perabot dan pemasangan lain. Nilai harta tetap awal dan akhir tahun 2022 berasaskan nilai buku bersih.

Pembelian, pindaan dan pembaikan besar atau perbelanjaan modal pada tahun berkenaan dikira pada nilai kos sebenar yang dibayar. Nilai harta tetap yang dijual dalam tahun semasa juga dikira pada nilai sebenar.

18. PEMBUNDARAN

Hasil tambah bagi angka komponen mungkin berbeza dengan sub-jumlah atau jumlah besar disebabkan oleh pembundaran.

19. NEGERI SUPRA

Berdasarkan Sistem Akaun Negara (SNA) 2008, kategori unit institusi berdasarkan kepentingan ekonomi dan kedudukan geografi seperti berikut; (1) kebanyakan aktiviti adalah di dalam lingkungan satu wilayah; (2) unit pelbagai wilayah dengan pusat kepentingannya di beberapa wilayah tetapi tidak beroperasi pada skala nasional; dan (3) unit yang beroperasi pada peringkat nasional, dengan pusat kepentingannya tidak boleh dikaitkan dengan kedudukan geografi (contoh: Negeri Supra). Negeri Supra pada peringkat negeri adalah bersamaan dengan organisasi luar wilayah pada peringkat nasional. Di Malaysia, Negeri Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri.

20. KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN DIKOMPAUN (CAGR)

Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (r) adalah berdasarkan formula berikut;

$y^{t} = y_0 (1+r)^{t}$

di mana r,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t}\ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y^t	=	Nilai pada tahun semasa
y_0	=	Nilai pada tahun sebelum
t	=	Bilangan tahun, y^t-y_0
r	=	Kadar pertumbuhan tahunan

21. SIMBOL DAN SINGKATAN

-	:	tiada maklumat
0	:	nilai bundaran kurang daripada skala yang ditetapkan
&	:	dan
%	:	peratus
dll.	:	dan lain-lain
e.g.	:	contoh
CAGR	:	kadar pertumbuhan tahunan dikompaun
RM	:	Ringgit Malaysia
t.t.t.l.	:	tidak terkelas di tempat lain
Ver.	:	Versi
W.P.	:	Wilayah Persekutuan

1. SCOPE AND COVERAGE

*This publication used data from Economic Census 2023 (reference year 2022). The census collected information from registered establishments in Agriculture, Mining & quarrying, Manufacturing, Construction and Services sectors. The classification for industries refers to Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0, which is in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4 United Nations. The coverage for all sectors encompasses 1,174 categories of industries as shown in **Table 1**.*

Table 1: Category of industries by sector

Sector	***Category of Industries***
*Agriculture**	142
Mining & quarrying	56
Manufacturing	259
Construction	72
Services	645
Total	***1,174***

Note: Entrepreneurs in the Agriculture sector which registered with relevant government agencies for the purpose of receiving aid were **NOT** covered except palm oil's entrepreneurs.*

2. SOURCE OF STATISTICAL FRAME

